

Faedah pandang

UM 23 MAY 2002

Daripada ZAINI HASSAN

(Yang Membuat Liputan Lawatan Rasmi Perdana Menteri ke Korea Selatan)

DARI Jepun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad terbang ke Korea Selatan untuk mengakhiri siri lawatan rasmi ke rantau sebelah sini atas undangan Presiden Kim Dae Jung, bermula semalam sehingga esok (24 Mei).

Kunjungannya di kedua-dua negara hos Piala Dunia 2002 ini bukanlah untuk melihat persiapan temasya agung bola sepak itu, yang bahangnya begitu terasa sekarang, tetapi lebih daripada itu negara-negara ini amat istimewa buat Malaysia.

Kedua-dua negara ini merupakan model Malaysia yang dicontohi secara 'rasmi' melalui pelancaran program Dasar Pandang ke Timur genap dua dekad lalu.

Sejak idea itu diilhamkan oleh Dr. Mahathir, kita telah banyak menimba ilmu pengetahuan daripada negara-negara ini, sehinggalah Malaysia digelar Hari-mau Baru Asia, untuk berdiri seiring dengan negara berkenaan.

Dasar Pandang ke Timur, yang pada mulanya dilancarkan khusus ke arah Jepun dan kemudiannya ke Korea Selatan, melalui penghantaran pelajar dan pemindahan teknologi pembinaan, bukan sahaja berjaya melahirkan pekerja mahir Malaysia yang mantap bercirikan ketimuran, lebih daripada itu kita berpeluang menimba pelbagai ilmu teknologi dan pengurusan yang dipindahturunkan sedikit, sebahagian dan sepenuhnya, untuk faedah rakyat dan negara ini.

Apa yang berlaku dan disaksikan di Malaysia kini, sebagai buktinya, bukan berlaku secara 'silap mata', tetapi hasil kepimpinan pemimpin yang amat peka dan sensitif dengan kemajuan negara.

Oleh itu kunjungan Dr. Mahathir hampir saban tahun ke Jepun dan lawatan ketiganya ke Korea Selatan ialah untuk mengukuhkan kerjasama tersebut. Bagi Malaysia - Korea Selatan, hubungan kedua-dua negara ini terjalin atas dasar hormat menghormati yang begitu tinggi. Kedua-dua negara ini adalah negara terawal berjaya keluar daripada kemelut kegawatan ekonomi Asia 1997-98.

Ketika negara-negara lain masih terkial-kial mencari jalan keluar daripada krisis tersebut, Malaysia - Korea Selatan berjaya bangkit semula sebagai kuasa ekonomi utama rantau ini.

Kejayaan itu bukan berlaku dengan sengaja atau semula jadi mahupun silap

mata, tetapi atas usaha gigih para pemimpinnya yang berjaya mencipta formula bagi merungkai permasalahan tersebut.

Sekali lagi, pengalaman perit yang dialami oleh kedua-dua negara ini memberi banyak pengajaran yang boleh dipelajari bersama.

Menurut kenyataan Wisma Putra lawatan Perdana Menteri ke Republik Korea (ROK) ini adalah bagi memperbaiki hubungan dengan para pemimpinnya serta membina jalinan dan persefahaman lebih rapat antara kedua-dua negara.

"Objektif utama lawatan ialah bagi meningkatkan terus hubungan dua hala dengan ROK," jelas kenyataan tersebut.

Seperti juga lawatan ke Jepun, objektif lawatan tersebut amat tepat sekali dalam usaha memastikan landasan yang diletakkan Malaysia untuk muncul sebagai negara maju sepenuhnya menjelang 2020 tercapai.

Jalinan persefahaman dan meningkatkan hubungan dua hala ini perlu dilakukan sekerap mungkin di peringkat tertinggi kerajaan bagi memastikan pelbagai program bersama yang dirancang dan yang sedang dilaksanakan berjalan lancar.

Seperti lawatan-lawatan kerja Dr. Mahathir ke mana-mana negara di dunia, jadual beliau akan dipenuhi dengan atur cara yang bercirikan perdagangan, ilmu pengetahuan dan saintifik. Lawatan ker-

ke Korea

isu keganasan. Yang pasti, mungkin Dr. Mahathir akan turut menyentuh hasil pertemuannya dengan Presiden George W. Bush di Washington minggu lalu.

Dr. Mahathir akan turut menyampaikan ucaptamanya di majlis makan tengah hari dengan ahli-ahli perniagaan Korea Selatan anjuran empat pertubuhan perdagangan Korea iaitu Persekutuan Perniagaan Kecil dan Sederhana Korea (KFSB), Persekutuan Industri-industri Korea (FKI), Dewan Perdagangan dan Industri Korea (KCCI) serta Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea (KITA).

Penerimaan kapten-kapten perdagangan Korea Selatan dengan menganjurkan majlis tersebut menunjukkan pengiktirafan tinggi mereka terhadap Dr. Mahathir selaku pemimpin berwibawa yang berjaya mengubah Malaysia dari sebuah negara malap kepada negara perdagangan dan perindustrian yang disanjung tinggi dunia.

Selain lawatan ke kilang Hyundai, Dr. Mahathir juga melawat ke pusat teknologi tinggi Pusat Inisiatif Penyelidikan Teknologi Satelit (SaTReCi) dan industri LG Chemical Investment.

Lawatan ini juga akan menyaksikan sebanyak lima memorandum persefahaman (MOU) akan ditandatangani iaitu antara MATRADE dan KITA, Naza Kia Sdn. Bhd. dan Kia Motors Corporation serta LG Chem Investment Ltd. dan Innobiologies Sdn. Bhd.

Sempena lawatan rasmi ini juga, Dr. Mahathir diberi penghormatan meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan Negara Korea serta menghadiri jamuan negara di kediaman rasmi Kim di Blue House.

Setibanya di Seoul, Dr. Mahathir turut tidak melepaskan peluang bertemu dengan rakyat dan pelajar Malaysia yang berada di negara ini.

Mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan ini adalah tiga orang menteri kanan iaitu Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie. Turut serta dalam rombongan ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Apa yang diharapkan kunjungan rasmi dua hari Perdana Menteri di Korea Selatan ini, ia akan membawa lebih banyak faedah untuk kepentingan bersama bukan sahaja dalam bidang ekonomi malah hubungan sesama rakyat dalam bidang sosial dan kebudayaan.

ja – sambil belajar Perdana Menteri inilah yang banyak merubah senario Malaysia seperti yang disaksikan hari ini.

Dr. Mahathir mengambil kesempatan daripada lawatannya ini untuk meninjau teknologi-teknologi terkini, termasuklah melawat ke pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) syarikat pengeluar kereta Hyundai di Gyeonggi-do.

Sekadar nota, bahagian R&D adalah salah satu atur cara kegemaran Dr. Mahathir yang tidak akan terlepas daripada jadual di mana-mana lawatan kerjanya ke negara-negara maju seluruh dunia.

Signifikannya lawatan beliau ke kilang kereta Hyundai ialah untuk melihat sendiri kepesatan industri pembuatan kereta Korea yang dalam masa kurang sedekad berjaya – dengan begitu garang sekali, menembusi pasaran antarabangsa melalui model-model keretanya yang menawan hati pengguna.

Tinjauan ini amat penting bagi memastikan industri automotif negara mampu bersaing dalam pasaran terbuka menjelang pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) 2004.

Selain itu, program kemuncak lawatan merupakan pertemuan empat mata Dr. Mahathir dengan Presiden Kim serta disusuli dengan mesyuarat delegasi.

Dalam pertemuan dengan Kim, Dr. Mahathir dijangka menyentuh mengenai soal serantau dan isu-isu antarabangsa, terutamanya berkaitan dengan